



## KARNIVAL PERPADUAN & KESEJAHTERAAN PARLIMEN TANJONG KARANG



Alhamdulillah Karnival Perpaduan & Kesejahteraan Parlimen Tanjong Karang telah berlangsung dengan penuh meriah untuk tiga hari bermula 30 Mac 2018 sehingga 1 April 2018 Karnival Perpaduan & Kesejahteraan Parlimen Tanjong Karang.

Pelbagai aktiviti menarik serta pameran-pameran yang penuh informasi telah diadakan. Demonstrasi penyelamatan bomba turut ditunjukkan kepada warga Tanjong Karang.

YBM TSNO turut bersama dengan Warga Tanjong Karang dalam acara Larian Perpaduan. Paling menarik perhatian adalah apabila penerima cabutan bertuah mendapat sebuah rumah PPR yang akan dibina tidak lama lagi.



Karnival yang diadakan ini bukanlah satu karnival yang berunsurkan keceriaan semata-mata tetapi satu bentuk penjenamaan semula Program Transformasi Sosial (PTS). Dalam penjenamaan semula PTS, KPKT telah mengadakan *engagement* dengan penduduk setempat dan mengenal pasti apakah keperluan dan kecenderungan penduduk setempat. Di Tanjong Karang program pelaksanaan lebih tertumpu kepada Kebun Komuniti. Sementara aktiviti dan gerak kerja lain seperti MyBomba JPP, COMBI-LA dan 3R telah pun dilaksanakan dan disenggara dengan baik.

Majlis dianjurkan dengan kerjasama JPP Zon 2 dan Parlimen Tanjong Karang. Turut diundang JPP-JPP dari Zon-Zon lain yang bakal menerima peruntukan geran Kebun Komuniti. Antara fokus dalam penganjuran Karnival ini adalah 1 Park 1 Community (1P1C) yang diterajui oleh Jabatan Landskap Negara (JLN).

Penganjuran karnival seperti ini diharap akan dapat mengukuhkan lagi perpaduan antara warga Tanjong Karang.



Sumber: Unit Komunikasi Korporat